

# 527 peserta gegar Bengkel ‘Building Bridges...National Dance Tour’

UB 15.4.2017 B5

FAKULTI Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bekerjasama dengan Fakulti Tari, Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (Aswara) berjaya menarik 527 peserta dalam Bengkel ‘Building Bridges...National Dance Tour’ bertempat di Dewan Auditorium Pascasiswazah dan Studio Tari Normadiah di FKSW, baru-baru ini.

Menurut salah seorang jawatankuasa bengkel yang juga pelajar sarjana FKSW, Ratna Fazlinda, bengkel seni tari itu bertujuan memperkenalkan serta mengangkat seni tari tradisional dan kontemporari di Malaysia kepada peserta sasaran iaitu pelajar sekolah menengah, kumpulan seni tari, peminat tarian tradisi, serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang terdapat di negeri Sabah,

terutamanya di sekitar Kota Kinabalu.

“Program dengan penyertaan secara percuma ini juga memberikan pendedahan kepada peserta untuk menanam semangat cintakan kesenian negara, di samping menggalakkan gaya hidup sihat dan positif. Selain mempromosikan kesenian seni tari di seluruh Malaysia, ia juga meningkatkan apresiasi dan memahami pelbagai budaya melalui tari,”



**PENSYARAH** tari sedang memberi tunjuk ajar kepada peserta bengkel.

katanya.

Program itu juga membolehkan peserta yang kurang berkemampuan dapat mempelajari seni tari.

Salah seorang peserta bengkel, pelajar tahun 3 dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Diana Faezah Kamarul Faiz sangat teruja dan sanggup datang ke Kota Kinabalu semata-mata untuk menyertai bengkel itu serta berpeluang menambah ilmu dalam tarian tradisional yang amat diminatinya.

Terdapat tujuh jenis seni tari yang diajar kepada

peserta iaitu tarian tradisional Melayu (Zapin Pekan), tarian kreasi baru, tarian India (Stick Dance), tarian kontemporari, tarian klasik Melayu (Terinai), tarian Cina (Kipas) dan tarian Hip-Hop.

Peserta bengkel dibimbing oleh 13 tenaga pengajar seni tari yang diketuai oleh Imran Syafiq Mohd Affandi dari ASK Dance Company, Aswara.

Hadir sama pada majlis penutupan, Dekan FKSW Prof Dr Ismail Ibrahim dan Penyelaras Kelab Tari Sharif Zainal Sagkif Shek.



**PENGARAH** Ask Dance Company, Imran Shafiq (kiri) menerima sijil penghargaan daripada Pensyarah Tari FKSW, Suhaimi Magi.



**SEBAHAGIAN** peserta bengkel.